

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 11/2023

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

October 2022 - February 2023

Biarkan dia berjaya

Sekiranya dia disanjung mulia berharga

Umpama bintang gemilang cahaya

Tidak akan binasa jasad dan minda kita

Jangan benarkan dengki kesumat
membarah di lubuk dada!

Biarkan dia berjaya

Mungkin balasan-Nya kepada kita
kesejahteraan hidup di alam fana

Juga nanti melihat keayuan bidadari manja
berterbangan di syurga Firdaus sana

Kerana maha Pencipta amat suka

Melihat hamba-Nya saling membantu
sesama mereka.



MULAILAH ILMU DENGAN ADAB DAN AKHLAK

Ditulis oleh: Nur Jihan Md Johan

Ilmu adalah pengetahuan berkenaan dunia dan akhirat yang tidak ada penghujungnya. Disekeliling kita adalah takrifan ilmu kerana setiap perilaku dan perkara harus ada ilmu yang benar. Ilmu itu sangat luas iaitu ilmu yang zahir dan yang batin dan yang haq dan yang bathil yang harus dicakna. Menimba ilmu adalah sunnah kerana ia adalah penghubung ke Syurga. Erti kata lain menuntut ilmu adalah jambatan ke Syurga ALLAH. Kesungguhan menuntut ilmu adalah bukti kita ingin mendapat keredhaan Maha Pencipta. ALLAH Subhanallah Ta'ala telah berfirman:-

إِلَىٰ طَرِيقًا بِهِ لَهٗ اللَّهُ سَهْلٌ عَلٰمًا فِيهِ يَلْتَمِسُ طَرِيقًا سَأَلَكَ وَمَنْ
الْجَنَّةِ

Maksudnya: Siapa yang menempuh jalan untuk mencari ilmu, maka ALLAH akan memudahkan baginya jalan menuju ke Syurga (Hadis Riwayat Muslim, no.2699).

Ilmu itu ditimba sejak dari kecil sehingga dewasa bermula dari rumah, sekolah, univeristi, organisai dan dimana-mana sahaja. Tidak kira dimana kita menimba ilmu, maka itulah imbalannya kelak disana nanti kerana ilmu itu sangatlah luas untuk ditelaah dan diamalkan sehingga hujung nyawa.

Tetapi menimba ilmu tidak akan lengkap tanpa adab dan akhlak. Adab didahulukan kerana ia menjadi pengukur akhlak dan perilaku seseorang individu itu. Tanpa adab siapalah kita di bumi ini, tanpa adab siapalah kita dengan ibu bapa dan guru. Hilanglah adab, rosaklah akhlak, sia-sialah ilmu yang ditimba, maka, hilanglah hormat akan kita terhadap ibu bapa dan guru. Tingginya adab dan akhlak pasti ilmu mudah untuk dicerna bahkan sudah pasti mendapat keberkatan Maha Pencipta. Menurut karyawan Syeikh Bakr Abdullah dan Syeikh Abdul Qadir Abdul Aziz menimba ilmu harus dimulai dengan adab dan akhlak kepada guru sepertimana saranan Rasullallah Sallallahu A'laihi Wassalam yang bertepatan dengan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah. Maka, menuntut ilmu haruslah mengikut seperti salafus soleh dan sentiasa merendah diri kerana itulah adab dan akhlak yang mulia dan sifat hormat tertinggi didalam menimba ilmu. Hadis Riwayat Thabrani juga menjelaskan:-

لِمُعَلِّمِكُمْ وَلِيَلُوا تَعَلَّمُوا وَعَلِّمُوا تَوَاصَعُوا الْمُعَلِّمِكُمْ

Maksudnya: Belajarlah kamu semua, dan mengajarlah kamu semua, dan hormatilah guru-gurumu, serta berlaku baiklah terhadap orang yang mengajarkanmu (HR Thabrani).

Beradablah dan berakhlak ketika menuntut ilmu kelak dapat membentuk modal insan yang sempurna. Janganlah

memandang enteng perihal adab dan akhlak didalam menimba ilmu kerana semua itu adalah pengukur keperibadian setiap umat manusia. Janganlah juga memandang enteng akan guru yang mendidik kita dan anak-anak kita kelak. Ajarilah anak-anak akan adab dan akhlak supaya mereka cerna akan sifat hormat-mengormati sejak dari kecil lagi seperti kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungunya'. Sesungguhnya ilmu tidak akan lenyap bila dimulai dengan adab dan akhlak bahkan akan lebih tinggi nilainya kelak. Renung-renungkanlah wahai saudara dan saudariku.

